

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[BATU KAWAN]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan di era pembelajaran di atas talian, apakah bentuk bantuan yang telah dan akan diberikan oleh Kerajaan kepada keluarga B40 yang tidak berkemampuan untuk membeli laptop atau melanggan internet, lebih-lebih lagi bagi yang menerima surat tawaran untuk memasuki politeknik, sekolah vokasional dan IPTA.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian sentiasa memastikan kebajikan dan kesejahteraan pelajar di IPT terjaga, terutamanya kepada pelajar daripada keluarga B40 untuk mendapatkan akses internet dan mampu memiliki peranti bagi mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian.

Bagi membantu pelajar IPT termasuk daripada kalangan pelajar B40 mengikuti sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mereka secara dalam talian dengan baik, Kementerian dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah menyalurkan maklumat 871 lokasi kemudahan pusat internet di bawah seliaan KKMM kepada universiti-universiti awam. Pusat-pusat internet ini boleh diakses oleh semua pelajar di kawasan bandar dan luar bandar seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak.

Selain itu, Kementerian juga menyediakan bantuan berbentuk sumbangan pelan data bagi capaian internet kepada 320,396 pelajar daripada kalangan keluarga B40 di universiti awam. Seramai 225,784 pelajar telah dan akan menerima bantuan dalam bentuk simkad manakala 94,612 pelajar akan menerima bantuan sama ada berbentuk tunai pembelian pelan data mengikut syarikat telekomunikasi pilihan masing-masing. Bantuan ini dibiayai melalui sumber dana dalaman universiti awam dan tabung kebajikan pelajar dengan anggaran peruntukan keseluruhan berjumlah RM24 juta.

Selain bantuan dan sumbangan dalam bentuk pelan data, kementerian turut menyediakan bantuan berbentuk pembiayaan kepada 8,965 pelajar daripada kalangan keluarga B40 untuk memiliki peranti. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,965 pelajar akan menerima sumbangan berbentuk komputer riba, 300 pelajar menerima bantuan berbentuk pinjaman kewangan untuk pembelian komputer dan selebihnya 2,700 pelajar menerima bantuan berbentuk tunai bagi tujuan pembelian peranti. Bantuan ini dibiayai melalui sumber dana universiti awam sendiri; tabung kebajikan pelajar; zakat daripada Tabung Haji; wakaf; dan

## NO. SOALAN : 54

sumbangan daripada agensi dan pihak lain dengan anggaran peruntukan sebanyak RM13.4 juta.

Kementerian turut menawarkan pemberian bantuan tunai sebanyak RM50 seorang kepada 76,153 pelajar baharu bagi Sesi Akademik 2020/2021 bagi meringankan beban kos yang perlu ditanggung oleh mereka untuk mengikuti PdP secara dalam talian. Bantuan ini melibatkan peruntukan berjumlah RM3.8 juta.

Kementerian dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) juga telah melancarkan inisiatif dengan izin *crowdfunding* melalui Tabung Prihatin Siswa. Inisiatif ini mengajak pihak luar untuk turut sama menyalurkan sumbangan bagi membantu meringankan kesulitan pelajar yang berkeperluan dalam meneruskan sesi PdP mereka.

Sekian, terima kasih.